

04 MAR 2002
PROMUDA-MTEN/I
PROMUDA AKAN BUAT TINDAKAN SUSULAN

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Dewan Profesional Muda Malaysia (Promuda) akan membuat tindakan susulan tentang syor-syor mengenai tadbir urus korporat dalam dua hingga tiga bulan akan datang.

Badan itu akan membuat presentasi rasmi mengenai syor-syor yang diserahkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada Oktober tahun lepas, bagi menjelaskan pendiriannya, kata pengerusi Promuda, Don Rahim.

Bercakap kepada sidang media di sini hari ini, beliau berkata MTEN sedang mengkaji syor yang diserahkan dan presentasi akan dibawa ke peringkat jawatankuasa MTEN yang lebih tinggi.

Antara syor yang dibuat oleh Promuda adalah penyertaan lebih ramai profesional muda di peringkat membuat keputusan syarikat-syarikat.

Syor lain Promuda adalah meningkatkan tahap akauntabiliti pengarah dalam mengurus syarikat, meningkatkan peranan pegawai dalam syarikat bagi mengurangkan pergantungan kepada penasihat luaran dan meningkatkan kebebasan auditor.

Sementara itu, Don berkata Promuda akan mengadakan satu siri ceramah yang bertemakan "Perspektif Masa Lampau, Paradigma Masa Depan" pada 6 Mac ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka akan memberikan ucapan bertajuk "Merealisasikan Wawasan 2020: Di Mana Kita Berada" di ceramah yang dijangka akan dihadiri oleh 500 orang.

Sementara itu, Don turut menggesa profesional muda untuk mendaftar di laman web Promuda di www.promuda.com.

Promuda dilancarkan pada 2000 dan disasarkan kepada para profesional berumur di bawah 35 tahun. -- BERNAMA

MFZ SD JR